## PP lwn. MISS SUPAPORN PHAIPONG

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
ZAKARIA SAM HMR
ABDUL RAHMAN SEBLI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: K-05-237-10-2013]
12 JANUARI 2016

***PROSEDUR SIVIL:*** *Rayuan – Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan – Rayuan oleh pendakwaan – Pengedaran dadah – Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B(1)(a) – Dadah dijumpai dalam beg-beg bersama-sama dengan pakaian dan kad pengenalan tertuduh – Dakwaan bahawa beg-beg bukan milik tertuduh – Pembelaan tidak bersalah – Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai – Sama ada pembelaan sekadar penafian dan satu fikir kemudian – Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan*

Responden telah ditahan oleh pihak polis di sebuah terminal bas kerana disyaki mengedar dadah. Menurut pegawai polis ('SP3'), responden dilihat membawa dua buah beg; satu dijinjit ('P23') manakala satu lagi digalas pada bahunya ('P24'). Hasil pemeriksaan pada P23 dan P24 masing-masing menemui sepuluh dan tiga ketulan mampat berisi tumbuhan kering yang disyaki kanabis. Dalam P23, dijumpai satu lagi beg kecil ('P25') berisi kad pengenalan dan beberapa helai pakaian milik responden. Analisis ahli kimia mengesahkan bahawa ketulan-ketulan mampat tersebut adalah 12,265.1g kanabis. Responden dipertuduh di Mahkamah Tinggi kerana mengedar dadah, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Dalam pembelaannya, responden menyatakan dirinya berasal dari Bangkok dan bekerja di Kuala Lumpur. Atas arahan majikannya ('Chiap'), responden telah bertemu dengan seorang lelaki yang mengirim barang milik Chiap untuk dibawa oleh responden ke Kuala Lumpur. Barang tersebut dikatakan ada dalam sebuah *pick-up* dan semasa menunggu bas, responden melihat pemandu *pick-up* mengangkat dan memuatkan dua buah beg di tempat bagasi bas. Bas yang dinaiki responden kemudian berhenti di stesen bas dan dia disuruh turun dan menukar bas. Seorang lelaki mengambil dua buah beg dari tempat bagasi dan memberikan kepadanya serta menyuruhnya menunggu berhampiran bas tersebut. Menurut responden, ketika itulah dia ditahan oleh pihak polis. Responden menafikan ada membawa P23 dan P24 semasa turun dari bas dan menyatakan bahawa dia hanya membawa P25. Dia juga menafikan pengetahuan tentang dadah yang dijumpai dalam kedua-dua beg tersebut. Di akhir perbicaraan, hakim bicara memutuskan bahawa responden berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan responden dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Oleh itu, timbul rayuan ini oleh pihak pendakwaan. Isu-isu yang diutarakan

A oleh pihak pendakwaan adalah (i) sama ada responden membawa P23 dan P24 ketika turun dari bas; (ii) percanggahan material dalam pembelaan; dan (iii) sama ada responden seorang pembawa tidak bersalah.

**Diputuskan (mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi; mensabitkan responden atas pertuduhan dan menjatuhkan hukuman mati)**
B **Oleh Zakaria Sam HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:**

**(1)** Hakim bicara jelas tersalah arah dirinya dalam memahami keterangan SP3. Hakim bicara terlalu memberi penekanan pada fakta bahawa P23 dan P24 dibawa turun oleh responden dari atas bas sedangkan kes pihak
C pendakwaan dan pembelaan adalah bahawa kedua-dua beg tersebut diambil dari bahagian bagasi bas. Hakim bicara khilaf apabila mengandaikan keterangan SP3 menunjukkan P23 dan P24 tidak disimpan di bahagian bagasi tetapi sebaliknya di atas bas bersama-sama responden. Fakta ini mempengaruhi keputusan hakim bicara dan salah tafsir keterangan inilah yang menjadi asas mengapa hakim bicara
D menolak kes pendakwaan. (perenggan 25, 30, 33 & 36)

**(2)** Terdapat beberapa percanggahan material dalam kes pembelaan yang gagal dipertimbangkan oleh hakim bicara. Semasa menyoal balas SP3, dicadangkan bahawa apabila responden turun dari bas, seorang
E perempuan telah menyuruh responden mengambil beg di tempat bagasi. Sebaliknya dalam pembelaan, keterangan responden bercanggah apabila mengatakan bahawa seorang lelaki mengambil beg tersebut dan menyuruh responden menunggu berdekatan bas. Dalam soal balas responden pula, dia tidak bersetuju dengan cadangan penemuan dadah dalam kedua-dua beg sedangkan ini tidak pernah dinafikan.
F Percanggahan-percanggahan ini melemahkan kredibiliti pembelaan responden. Pembelaan responden adalah rekaan semata-mata atau difikirkan kemudian. (perenggan 37, 38, 39, 41, 42 & 43)

**(3)** Responden mendakwa P23 dan P24 adalah kepunyaan Chiap tetapi tidak memberi butir-butir diri Chiap kepada pihak polis untuk siasatan bagi
G membebaskan dirinya daripada pertuduhan. P25, yang berisi pakaian responden, dijumpai dalam P23. Responden sudah tentu boleh melihat tiga ketulan mampat di dalamnya ketika membuka beg tersebut untuk menyimpan P25. Tambahan lagi, sekiranya benar responden bekerja di Kuala Lumpur yang pastinya akan mengambil masa lama, mengapakah
H dia hanya membawa beberapa helai pakaian? Semua ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan tentang ketulan-ketulan mampat kanabis tersebut dan lawatan singkat responden ke Kuala Lumpur bertujuan membawa dadah. (perenggan 49, 51, 56, 59 & 60)

I

***English** Headnotes*

Suspected for trafficking drugs, the respondent was arrested by the police at a bus terminal. According to the police officer ('SP3'), the respondent was seen carrying two bags; one was hand-carried ('P23') while the other was slung over her shoulder ('P24'). A search on P23 and P24 revealed ten and three, respectively, compressed slabs of dried plants suspected to be cannabis. In P23, a small bag ('P25') containing the respondent's identification card and clothes was found. An analysis by the chemist confirmed that the compressed slabs were 12,265.1g cannabis. The respondent was charged at the High Court for trafficking drugs, an offence under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). In her defence, the respondent said that she was from Bangkok and was working in Kuala Lumpur. Acting upon the instruction of her employer ('Chiap'), the respondent met a man who passed items belonging to Chiap to be taken to Kuala Lumpur by the respondent. The items were allegedly in a pick-up and while waiting for the bus, the respondent saw the pick-up driver carrying and loading two bags into the luggage compartment of the bus. The bus which the respondent took then stopped at the bus station and she was told to alight and get on another bus. A man took the two bags from the luggage compartment and gave it to her and told her to wait near the bus. According to the respondent, it was then that she was arrested by the police. The respondent denied carrying P23 and P24 when alighting from the bus and testified that she was only carrying P25. She also denied knowledge of the drugs found in both bags. At the conclusion of the trial, the trial judge held that the respondent had successfully raised reasonable doubt on the prosecution's case and the respondent was discharged and acquitted from the charge. Hence, the present appeal by the prosecution. The issues brought forth by the prosecution were (i) whether the respondent carried P23 and P24 while alighting from the bus; (ii) material discrepancies in the defence case; and (iii) whether the respondent was an innocent carrier.

**Held (setting aside decision of High Court; convicting respondent for offence and sentencing her to death)**
**Per Zakaria Sam JCA delivering the judgment of the court:**

**(1)** The trial judge clearly misdirected himself in understanding SP3's testimony. The trial judge gave too much emphasis on the fact that P23 and P24 were carried by the respondent as she was alighting from bus when in reality, it was a case for both the prosecution and the defence that the bags were taken from the bus' luggage compartment. The trial judge erred in assuming that SP3's testimony showed that P23 and P24 were not kept in the luggage compartment but were on the bus with the respondent. This fact influenced the trial judge's decision and it was the misinterpretation of this piece of testimony that formed the basis which led the trial judge to dismiss the prosecution's case.

**(2)** There were material discrepancies in the defence case which the trial judge failed to appreciate. During the cross-examination of SP3, it was suggested that when the respondent alighted from the bus, a woman told the latter to take her bags from the luggage compartment. However, in her defence, there was a contradiction when the respondent testified that a man took the bags and told her to wait near the bus. During cross-examination, the respondent did not agree with the suggestion that the drugs were found in the bags even though this was undisputed. The discrepancies diluted the credibility of the respondent's defence. The respondent's defence was fictitious and an afterthought.

**(3)** The respondent claimed that P23 and P24 belonged to Chiap but she did not furnish the police with details of Chiap to aid the investigation in order to discharge herself from the charge. P25, which contained the respondent's clothes, was found in P23. The respondent could obviously see the three compressed slabs contained therein when she opened the bag to pack P25. Furthermore, if the respondent was working in Kuala Lumpur which would take a long period of time, why did she pack a few pieces of clothes only? These showed that the respondent had knowledge of the compressed cannabis slabs and the respondent's short trip to Kuala Lumpur was for the purpose of carrying the drugs.

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Chua Beow Huat v. PP [1968] 1 LNS 24 HC* ***(dirujuk)***

*Hoh Bon Tong v. PP [2010] 5 CLJ 240 CA* ***(dirujuk)***

*Johari Khalid & Anor v. Mohamed Zamri Khalid & Anor (No 2) [1984] 1 LNS 140 FC* ***(dirujuk)***

*Krishna Rao Gurumurthi v. PP & Another Appeal [2009] 2 CLJ 603 FC* ***(dirujuk)***

*Lee Ah Seng & Anor v. PP [2007] 5 CLJ 1 FC* ***(dirujuk)***

*Megat Halim Megat Omar v. PP [2009] 1 CLJ 154 CA* ***(dirujuk)***

*Multar Masngud v. Lim Kim Chet & Anor [1982] CLJ 107; [1982] CLJ (Rep) 237 FC* ***(dirujuk)***

*Tan Kim Ho & Anor v. PP [2009] 3 CLJ 236 FC* ***(dirujuk)***

*Wong Vui Chin v. PP [2011] 3 CLJ 383 CA* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Courts of Judicature Act 1964, s. 60

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da), 39B(1)

*Bagi pihak perayu - Yusaini Amir Abdul Karim; TPR*

*Bagi pihak responden - Ai Cha Ran; T/n Ai Cha Ran & Co*

*[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Alor Setar; Rayuan Jenayah Bil: 45A-43-07-2012 (menolak)]*

*Dilaporkan oleh Najib Tamby*

## PENGHAKIMAN

**Zakaria Sam JCA:**

**[1]** Ini adalah rayuan Pendakwa Raya/perayu terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman (hakim bicara) yang telah melepas dan membebaskan responden dari pertuduhan di akhir kes pembelaan.

**Pertuduhan**

> Bahawa kamu pada 8/1/12 jam lebih kurang 8.05 malam di hadapan Platform No.6 Terminal Bas Shahab Perdana, Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar, di dalam daerah Kota Setar, dalam Negeri Kedah Darul Aman, telah mengedar dadah berbahaya iaitu Cannabis seberat 12,265.1 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

**Kes Pendakwaan**

**[2]** Bertindak di atas maklumat dan setelah melakukan taklimat pada 8 Januari 2012, jam lebih kurang 7.45 malam, SP3 (ASP Md Razi bin Ismail) bersama pasukannya telah bergerak ke Terminal Bas Shahab Perdana, Alor Setar dan mengambil tempat di persekitaran platform terminal tersebut.

**[3]** Pada jam lebih kurang 7.55 malam, SP3 telah melihat sebuah bas sampai ke kawasan terminal bas tersebut dan masuk ke Platform 6.

**[4]** Apabila bas tersebut berhenti, kesemua penumpang telah turun dari bas. SP3 yang sebelum itu melihat responden turun dari bas dilihat membawa dua buah beg, sebuah beg jenama Nike (P23) dijinjit dengan tangan kanan dan sebuah beg jenama Silver Hawk (P24) digalas di bahunya.

**[5]** SP3 menghampiri responden, memperkenalkan dirinya polis dan responden dilihat terperanjat. Di atas arahan SP3, responden telah membuka kedua-dua beg tersebut untuk pemeriksaan. Kedua-dua beg tidak berkunci.

**[6]** Hasil pemeriksaan dalam beg P23 yang dijinjit ditemui sepuluh ketulan mampat berisi tumbuhan kering disyaki ganja dibaluti aluminium foil. Hasil pemeriksaan di dalam beg galas P24 pula telah ditemui tiga ketulan mampat, setiap satu dibalut aluminium foil, di bahagian bawah beg P24.

**[7]** Pemeriksaan lanjut di dalam beg P23 juga telah ditemui satu beg kecil warna merah jambu bertulis Minnie Mouse (P25) yang mengandungi sehelai baju lengan panjang, sehelai seluar jeans, sehelai baju dalam, sehelai seluar dalam dan kad pengenalan responden.

**[8]** Semasa ditahan, tiada orang lain bersama responden.

**[9]** SP3 telah membuat penandaan ke atas barang kes yang telah dirampas dan barang kes kemudiannya diserahkan kepada SP5 (pegawai penyiasat).

A **[10]** SP5 telah menghantar 13 ketulan mampat itu ke Jabatan Kimia. Hasil analisa, SP2 (ahli kimia) telah mengesahkan berat bersih ketulan mampat daun kering tersebut adalah 12,265.1g dadah berbahaya iaitu cannabis seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB).

**Dapatan Di Akhir Kes Pendakwaan**

B

**[11]** Hakim bicara memutuskan perayu mempunyai pemilikan secara langsung ke atas dadah tersebut kerana dari dalam beg P24 juga ditemui dokumen pengenalan responden dan barang-barang peribadi beliau dan peruntukan s. 37(da) ADB terpakai untuk membuktikan pengedaran. Perayu dipanggil membela diri.

C

**Kes Pembelaan**

**[12]** Responden membela diri dengan memberikan keterangan bersumpah. Responden mengatakan beliau bekerja sebagai pelacur dengan seorang majikan bernama Chiap di Bangkok. Beliau biasa datang ke Malaysia dan bekerja sebagai pelacur di Kepong, Kuala Lumpur. Hasil dari pekerjaan ini, dia mengenali ramai orang dan selepas itu dia telah datang sendiri ke Malaysia tanpa pengetahuan Chiap.

D

**[13]** Pada 7 Januari 2011, beliau dari Bangkok menuju ke Danok untuk ke Kuala Lumpur. Beliau hanya membawa beg P25. Beliau tiba di Danok pada awal pagi dan berehat di hotel. Chiap yang kemudiannya mendapat tahu responden hendak ke Kuala Lumpur telah meminta responden membawa bersama barang beliau. Chiap memberitahunya seorang lelaki akan datang ke hotel dan akan membawanya ke stesen bas.

E

F **[14]** Lelaki tersebut telah datang ke hotelnya pada jam lebih kurang 5-6 petang dan memberitahu responden Chiap ada mengirim barang dan barang tersebut ada dalam sebuah pick-up di luar. Semasa menunggu bas di situ, responden melihat pemandu pick-up mengangkat dua buah beg dan memasukkannya ke tempat bagasi bas. Responden kemudian diberi tiket bas.

G **[15]** Bas yang dinaiki responden kemudian singgah di stesen bas Alor Setar. Sampai di Alor Setar, beliau disuruh turun dan menukar bas. Responden turun membawa beg P25 dan beliau bertemu dengan seorang yang bercakap dalam Bahasa Malaysia yang dia tidak faham. Seorang lelaki kemudian mengambil dua buah beg dari bahagian bawah bas dan memberikan kepadanya serta menyuruhnya menunggu berhampiran bas tersebut.

H

**[16]** Selepas itu, seorang perempuan bertanya responden dalam Bahasa Inggeris beliau hendak ke mana. Responden memberitahu beliau hendak ke Kuala Lumpur. Perempuan tersebut kemudian meminta untuk melihat beg yang beliau bawa dan responden memberitahunya beg tersebut bukan begnya. Perempuan itu kemudian mengugutnya dan menyuruh responden membuka beg tersebut. Apabila dibuka, telah dijumpai barang-barang yang

I

responden tidak tahu apakah barang-barang tersebut. Responden juga memberi keterangan terdapat lelaki di samping perempuan tersebut. Responden kemudian ditangkap dan dibawa ke balai polis.

**[17]** Responden menafikan beliau menjinjit beg P23 dan menggalas beg P24 semasa turun dari bas. Beliau hanya membawa turun beg P25 sahaja dan beg P25 ini tidak berada di dalam beg P24. Kedua-dua beg P23 dan P24 telah dibawa keluar dari tempat bagasi oleh seorang lelaki dan diberikan kepadanya.

**Dapatan Di Akhir Kes Pembelaan**

**[18]** Hakim bicara berpendapat perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan di mana pihak pendakwaan telah gagal membuktikan perayu mempunyai pemilikan ke atas dadah berbahaya tersebut. Perayu dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan.

**[19]** Di atas perintah pelepasan dan pembebasan ini, pihak pendakwaan mengemukakan rayuan ini.

**Rayuan**

**[20]** Di hadapan kami pihak pendakwaan mengutarakan dua isu sahaja iaitu:

(i) dapatan hakim bicara di peringkat *prima facie* dan di akhir kes pembelaan adalah bercanggah; dan

(ii) hakim bicara gagal menimbangkan percanggahan dalam kes pembelaan.

**Keputusan Kami**

**[21]** Isu yang menjadi persoalan di antara kedua-dua pihak di sini ialah, adakah responden membawa turun beg P23 dan P24 ketika turun dari bas ataupun beg-beg itu beliau ambil dari tempat bagasi dari perut bas setelah turun dari bas?

**[22]** Dapatan hakim bicara di akhir kes pendakwaan di perenggan 13 ialah:

> [13] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa menunjukkan beg P23 dan P24 yang mengandungi dadah berbahaya jenis cannabis tersebut sedang dibawa oleh OKT apabila dia ditahan SP3 dan pasukannya. Keterangan-keterangan ini telah dicabar melalui pemeriksaan balas terhadap saksi-saksi pendakwa, terutamanya SP3 dan SP4. Saya telah memberi pertimbangan terhadap cabaran tersebut. Saya dapati cabaran melalui pemeriksaan balas ini tidak menggoncang keterangan bahawa kedua-dua beg tersebut sedang dibawa oleh OKT.

**[23]** Seterusnya di perenggan 16 hakim bicara memutuskan:

> [16] Pihak Pendakwaan telah membuktikan OKT sedang membawa beg P23 dan P24 yang mengandungi 13 ketulan mampat tersebut pada masa ditangkap. Ini membuktikan OKT mempunyai kawalan dan jagaan ke atas kedua-dua beg P23 dan P24 itu ...

**[24]** Bagaimanapun di peringkat pembelaan di perenggan 31 hakim bicara telah mencapai dapatan yang berbeza apabila beliau memutuskan:

> [31] Saya telah meneliti semula keterangan SP3 dan SP4, setelah mendengar pembelaan OKT ini. Semasa pemeriksaan utama SP3 mengatakan beliau lihat OKT menjinjit beg P23 dan menggalas beg P24 semasa turun dari bas tersebut. Semasa pemeriksaan balas, SP3 menafikan cadangan peguam bela OKT bahawa OKT mengambil kedua-dua beg ini dari tempat bagasi. Bagaimanapun semasa pemeriksaan semula, SP3 mengatakan semasa OKT turun, beliau telah mengambil beg dan terus berjalan ke kaunter tiket. Keterangan SP3 semasa pemeriksaan semula ini menimbulkan persoalan dari manakah beg tersebut diambil oleh OKT semasa turun dari bas tersebut. Keterangan ini boleh menimbulkan inferens bahawa OKT tidak membawa beg tersebut turun dari atas bas sebaliknya perlu mengambilnya di bawah iaitu di tempat bagasi. Sekiranya benar keterangan SP3 semasa pemeriksaan utama bahawa OKT menjinjit P23 dan menggalas P24 dari atas bas mengapa perlu OKT mengambil beg lagi? Keterangan yang dikemukakan menunjukkan SP3 berada di bawah bas dan dalam keadaan sedemikian adalah munasabah untuk membuat konklusi bahawa dia tidak akan nampak OKT mengambil beg tersebut di dalam bas. Oleh yang demikian apabila SP3 memberi jawapan OKT telah mengambil beg dan berjalan ke kaunter tiket telah menimbulkan inferens yang memihak kepada OKT iaitu telah beg tersebut sememangnya telah diambil dari tempat bagasi. Adalah munasabah untuk membuat inferens tersebut kerana jika SP3 melihat OKT telah mengambil beg tersebut, beg tersebut sebenarnya di ambil dari dalam tempat bagasi bas tersebut. Keterangan ini boleh menyokong keterangan pembelaan OKT.
>
> [32] Saya juga meneliti semula keterangan SP4 kerana terdapatnya pembelaan menimbulkan satu fakta yang menyanggahi keterangan saksi pendakwaan. Saya dapati semasa pemeriksaan utama, SP4 tidak mengatakan kedua-dua beg tersebut dijinjit dan digalas turun oleh OKT dari atas bas sebaliknya mengatakan OKT menjinjit dan menggalas beg tersebut. SP4 juga tidak mengatakan secara jelas beg-beg tersebut tidak dibawa turun dari atas bas oleh OKT. Dari penelitian semula keterangan SP4 ini juga saya dapati SP4 telah mengakui di akhir pemeriksaan balas terhadapnya, OKT telah ambil kedua-dua beg ini dari tempat bagasi. Keterangan SP4 ini juga membawa inferens bahawa memang benar kedua-dua beg ini diambil oleh OKT dari tempat bagasi. Keterangan ini menimbulkan keraguan terhadap keterangan SP3 tentang perkara itu.

**[25]** Adalah jelas hakim bicara telah tersalah arah dirinya dalam memahami keterangan SP3 dan SP4. SP3 tidak ada pada bila-bila masa mengatakan responden membawa turun kedua-dua beg ketika beliau turun dari bas. Apa yang SP3 katakan dalam keterangan utamanya di ms. 21 RR ialah:

> Q: Apa yang berlaku di platform 6?
>
> A: Apabila bas tersebut berhenti semua penumpang telah turun dari bas tersebut dan dalam masa yang sama juga saya nampak satu perempuan yang dipercayai warganegara Siam turun dari bas dan membawa 2 buah beg di mana satu beg dijinjit dan satu beg lagi digalas.

**[26]** Apa yang cuba dikatakan oleh SP3 ialah semua penumpang telah turun termasuk responden, beliau melihat responden membawa dua beg.

**[27]** Ini diperkuatkan lagi oleh keterangan SP3 semasa disoal semula dari ms. 35 RR:

> A: Masa dia turun dari bas, beliau terus ambil beg dan jalan melintasi platform ke tempat jualan tiket.

**[28]** Keterangan SP3 ini selaras dengan keterangan SP4 ketika disoal balas di mana beliau mengatakan (di ms. 44 RR):

> Q: Saya katakan kamu melihat suspek ambil beg dari bahagian bagasi bas.
>
> A: Ya.
>
> Q: Kejadian ini selepas suspek ambil beg di bahagian bawah bas?
>
> A: Ya.

**[29]** Seterusnya semasa disoal semula (di ms. 45 RR) SP4 mengatakan dengan jelas:

> Q: Sebelum OKT ambil beg di bahagian bagasi, OKT ada di mana?
>
> A: Atas bas.

**[30]** Oleh kerana tersalah faham dengan keterangan SP3 dan SP4, hakim bicara telah memberi pertimbangan yang salah terhadap kes pendakwaan apabila beliau memutuskan (di ms. 90 RR):

> [28] Kes pihak pendakwa bagi membuktikan pemilikan dadah berbahaya tersebut oleh OKT bergantung kepada dua fakta penting iaitu pertamanya kedua-dua beg P23 dan P24 dibawa turun OKT dari atas bas. Fakta kedua ialah di dalam beg P24 yang dibawa oleh OKT ini terdapat dokumen pengenalan dan barang-barang peribadi OKT yang terletak di dalam beg P25 yang dijumpai di dalam beg P24 tersebut. Pembelaan OKT telah menafikan kedua-dua perkara ini. OKT juga membuat pembelaan dengan memberi keterangan bahawa beg P24 iaitu beg yang mengandungi barang peribadi beliau sebenarnya satu-satu beg yang beliau bawa turun dari atas bas tersebut.

sedangkan kes pendakwaan sepanjang masa ialah semasa ditangkap responden sedang membawa dua buah beg di mana beg P23 dijinjit di tangan kanannya dan beg P24 digalas di bahunya.

**[31]** Semasa disoal balas SP3 telah ditanyakan:

> Q: Saya katakan bila sampai di stesen bas, maklumat yang diterima ialah penumpang meletakkan beg di bahagian bagasi?
>
> A: Tidak setuju.

**[32]** Apa yang dimaksudkan oleh SP3 dengan jawapannya itu ialah beliau tidak pernah menerima maklumat seperti yang dicadangkan oleh peguam responden. Dengan erti kata lain beliau tidak tahu di mana responden meletakkan beg-begnya itu sebelum responden ditangkap. Bukanlah maksud jawapannya itu beg-beg tersebut berada dengan responden di dalam bas seperti yang diputuskan oleh hakim bicara.

**[33]** Oleh itu hakim bicara telah khilaf apabila mengandaikan jawapan SP3 menunjukkan beg-beg tidak disimpan di bahagian bagasi sebaliknya di atas bas bersama-sama responden.

**[34]** Jelas di sini hakim bicara telah tersalah arah dirinya. Kes pihak pendakwaan dan juga kes pembelaan beg itu tidak dibawa turun dari atas bas sebaliknya diambil dari bahagian bagasi di perut bas.

**[35]** Kes kedua-dua pihak ialah ketika ditangkap responden sedang membawa dua buah beg. Satu digalas dan satu dijinjit.

**[36]** Hakim bicara terlalu memberi penekanan kepada fakta beg-beg itu dibawa turun oleh responden dari atas bas. Fakta yang salah ini yang telah mempengaruhi keputusan hakim bicara seperti yang dapat dilihat di perenggan 31 dan 32 penghakimannya yang dipetik di awal penghakiman ini. Salah tafsir keterangan inilah yang telah menjadi asas utama mengapa hakim bicara menolak kes pendakwaan. Jelas di sini hakim bicara telah tersalah arah dirinya dalam mencapai keputusan tersebut.

**[37]** Dalam isu kedua kami bersetuju dengan hujahan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bahawa hakim bicara telah gagal menimbangkan beberapa percanggahan yang material di dalam kes pembelaan.

**[38]** Semasa SP3 disoal balas, peguambela telah mencadangkan kepada SP3 seperti berikut (di ms. 31 RR):

> Q: Saya katakan bahawa apabila beliau turun, tempat simpanan beg masih terbuka dan ada seorang perempuan telah suruh dia ambil beg di tempat bagasi?

**[39]** Bagaimanapun di dalam pembelaannya, responden memberikan keterangan yang bercanggah (di ms. 63 RR):

> A: Kemudian datang seorang lelaki, pertama kali saya nampak lelaki itu beliau ambil dua biji beg dan menyuruh saya menunggu berdekatan bas tersebut. Dia beri beg tersebut kepada saya dan suruh saya tunggu di tempat itu.

**[40]** Persoalannya, yang mana satukah pembelaan responden?

**[41]** Di dalam soal balas responden telah ditanyakan soalan berikut (di ms. 67):

> Q: Setuju saya katakan polis telah jumpa 13 ketulan ganja dalam kedua-dua beg?
>
> A: Tidak setuju.

**[42]** Mengapa beliau tidak bersetuju sedangkan penemuan dadah di dalam beg itu tidak pernah dinafikan.

**[43]** Ini adalah percanggahan-percanggahan yang begitu ketara yang menyentuh teras pembelaan responden. Percanggahan sebegini melemahkan kredibiliti pembelaan responden.

**[44]** Seterusnya responden memberi keterangan, apabila menerima beg itu, beliau telah berjalan dan diekori seorang perempuan yang kemudian menegurnya:

> Dalam keadaan begitu, perempuan itu tanyakan saya sama ada boleh tengok atau tidak beg yang saya bawa dan saya beritahu beg itu bukan beg saya dan dia ugut saya beberapa kali. Saya beritahu saya tidak boleh buka kerana beg itu kepunyaan kawan saya. Kemudian perempuan itu memegang tangan saya dan suruh saya buka zip dan terus jumpa barang (ms. 63).

**[45]** Persoalannya mengapakah fakta sebegini penting bahawa beg itu bukan begnya tidak dizahirkan kepada mana-mana saksi pendakwaan dalam soal balas terutamanya SP3 dan pegawai penyiasat (SP5). Pembelaan ini hanya ditimbulkan di peringkat pembelaan. Jelas pembelaan responden ini adalah rekaan semata-mata atau pembelaan yang difikirkan kemudian (an afterthought) sepertimana diputuskan di dalam kes-kes *Chua Beow Huat v. PP* [1968] 1 LNS 24; [1970] 2 MLJ 29, *Tan Kim Ho & Anor v. PP* [2009] 3 CLJ 236 dan *Megat Halim Megat Omar v. PP* [2009] 1 CLJ 154.

**[46]** Seterusnya di ms. 66 RR soalan berikut telah ditanyakan kepada responden:

> Q: P23 dan P24 dirujuk. Inilah beg yang kamu bawa pada 8.1.2012?
>
> A: Tidak setuju.

**[47]** Mengapa beliau tidak bersetuju, sedangkan katanya beg itu diberikan oleh Chiap dan beliau sedang membawa beg-beg itu ketika ditahan. Jelas responden cuba berdalih.

**[48]** Adakah responden seorang innocent carrier seperti yang diputuskan oleh hakim bicara?

**[49]** Menurut responden, beg-beg tersebut terus dimasukkan ke tempat bagasi tanpa ditunjukkan kepadanya terlebih dahulu dengan pesanan Chiap melarangnya membuka beg-beg itu. Ini sudah sepatutnya menimbulkan syak wasangka kepada responden apakah kandungan beg-beg itu sehingga beliau tidak boleh melihat kandungannya sedangkan beliau perlu membawanya ke Kuala Lumpur. Beg-beg itu tidak berkunci (menurut keterangan responden) mengapa beliau tidak memeriksa kandungan beg tersebut untuk pastikan tiada apa-apa barang salah di dalamnya. Ianya tidak dilakukan walaupun beliau mempunyai peluang dan masa untuk melihatnya.

**[50]** Lebih meragukan beliau sanggup membawa dua beg kiriman Chiap tetapi tidak membawa beg pakaiannya sendiri.

**[51]** Sekiranya benar beliau akan kerja di Kuala Lumpur (sebagai pelacur) yang pasti akan mengambil masa lama, mengapakah beliau hanya membawa sehelai baju lengan panjang, sehelai jeans, satu baju dalam, sehelai seluar dalam? Ini menunjukkan beliau hanya melakukan short trip ke Kuala Lumpur bagi tujuan membawa dadah tersebut.

**[52]** Sekiranya responden datang ke Malaysia untuk menjadi pelacur dengan secara diam-diam tanpa pengetahuan Chiap, bagaimana pula Chiap boleh mendapat tahu beliau berada di Changloon? Tiada penjelasan dari responden. Perkara ini amat relevan untuk menentukan kredibiliti pembelaannya.

**[53]** Sekiranya benar responden hendak melacur di Kuala Lumpur tanpa pengetahuan Chiap, sudah tentu Chiap akan menjadi marah kerana responden cuba beroperasi secara bebas dan membelakangkannya yang sebelum ini menjadi 'ibu ayamnya'. Adalah tidak munasabah Chiap yang sepatutnya marah, sebaliknya telah memberikannya dua beg untuk dibawa ke Kuala Lumpur. Ini suatu pembelaan responden yang tidak munasabah.

**[54]** Menurutnya lagi, Chiap telah menelefonnya untuk mengirimkan begnya (ms. 60 RR). Mengapakah beliau tidak bertanya sendiri kepada Chiap apakah kandungan beg-beg itu sebagaimana lazimnya dilakukan bilamana seseorang minta barangnya dibawa untuk satu perjalanan yang jauh.

**[55]** Di dalam kes *Hoh Bon Tong v. PP* [2010] 5 CLJ 240 telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan:

> Ignorance is a defence when there is no reason for suspicion and no right and opportunity of examination, and, ignorance *simpliciter* is not enough.

**[56]** Hakim bicara juga gagal mengambil kira keterangan SP3 yang menyatakan di dalam beg galas dijumpai sehelai baju lengan panjang, sehelai seluar jeans, sehelai seluar dalam dan sehelai baju dalam. Lihat senarai bongkar P21 (di ms. 185). Ini menunjukkan responden telah membuka beg galas untuk menyimpan pakaiannya. Masakan beliau tidak melihat tiga ketulan mampat dalam beg tersebut.

**[57]** Dalam keterangannya responden mengatakan Chiap melarangnya membuka dua beg yang diberikan kepadanya. Ini sudah cukup untuk menimbulkan rasa syak wasangka kepada responden mengenai kandungan beg-beg tersebut. Sekiranya benar Chiap tidak membenarkannya melihat kandungan beg itu, mengapa Chiap tidak mengunci sahaja beg-beg tersebut. Ini menunjukkan alasan responden bahawa Chiap melarangnya membuka beg itu direka oleh responden untuk mengatakan beliau tidak mengetahui kehadiran dadah di dalam beg-beg itu.

**[58]** Mengenai pembelaan innocent carrier, Mahkamah Rayuan di dalam Kes *Wong Vui Chin v. PP* [2011] 3 CLJ 383 telah memutuskan (di ms. 396):

> [16] The defence was that the appellant had no sight, and therefore had no knowledge, of the drugs, and that he was an innocent carrier. That sort of defence, namely the absence of specific knowledge of the contents, was carefully considered in *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337, where the Federal Court per Arifin Zakaria FCJ, as he then was, wholly agreed with the following judgment of Lord Morris in *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356:
>
> > ... if, however someone deliberately so assumes control of some of the package or container, then I would think that he is in possession of it. If he deliberately so assumes control knowing that it has contents, he would also be in possession of the contents. I cannot think that it would be rational to hold that someone who is in possession of a box which he knows to have things in it is in possession of the box but not in possession of the things in it. If he had been misinformed or misled as to the nature of the contents, or if he had a wrong surmise as to them, it seems to me that he would nevertheless be in possession of them.

**[59]** Keterangan kes pendakwaan, beg kecil responden (P25) yang berisi pakaian responden telah dijumpai dalam beg galas yang dibawanya. Ini menunjukkan responden telah membuka beg tersebut untuk menyimpan beg P25 dan sudah tentu boleh melihat tiga ketulan mampat di dalamnya. Ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan mengenai ketulan mampat cannabis di dalam beg galas itu.

**[60]** Sekiranya beg P24 dan P25 adalah kepunyaan Chiap, persoalannya, mengapakah responden tidak memberikan butir-butir diri Chiap kepada pasukan polis untuk siasatan bagi membebaskan dirinya dari pertuduhan?

**[61]** SP3 menyatakan kad pengenalan Thailand responden ditemui di dalam beg P25 yang disimpan di dalam beg galas P24. Responden pula menyatakan beg P25 itu beliau pegang ketika ditangkap. Kami lebih mempercayai keterangan SP3 kerana keterangannya disokong oleh SP4. Tambahan pula lebih mudah beg P25 disimpan di dalam beg galasnya kerana itu memudahkannya mengangkat dua beg (P23 dan P24) dari tiga beg. Beg P25 kecil, lebih mudah dimasukkan sahaja ke dalam beg galasnya. Mencukupi untuk memegang pasport Thailand sahaja bersamanya kerana semasa diminta dokumen dari responden, responden telah menyerahkan pasport Thailandnya kepada SP3.

**[62]** Adalah jelas di sini hakim bicara telah membuat keputusan berdasarkan dapatan fakta yang silap, seterusnya telah menyalah arah dirinya yang membolehkan kami campur tangan sepertimana diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Multar Masngud v. Lim Kim Chet & Anor* [1982] CLJ 107; [1982] CLJ (Rep) 237; [1982] 1 MLJ 184; *Johari Khalid &*

A *Anor v. Mohamed Zamri Khalid & Anor (No 2)* [1984] 1 LNS 140; [1985] 1 MLJ 142; *Lee Ah Seng & Anor v. PP* [2007] 5 CLJ 1 dan *Krishna Rao Gurumurthi v. PP And Another Appeal* [2009] 2 CLJ 603.

**Kesimpulan**

B **[63]** Berdasarkan alasan-alasan di atas, kami berpuas hati rayuan pihak Pendakwa Raya mempunyai merit. Dengan menggunakan budi bicara kami di bawah s. 60 Courts of Judicature Act, kami sebulat suara mengetepi keputusan hakim bicara yang melepas dan membebaskan responden dan menggantikannya dengan suatu sabitan di bawah s. 39B(1) ADB dan
C responden dijatuhi hukuman mati mandatori.

D

E

F

G

H

I